

27/05/2003

Melaka pelawa profesional bantu majukan negeri

Daud Awang

MELAKA: Kerajaan negeri mempelawa golongan profesional terutama anak Melaka yang bertugas di luar Melaka kembali bertugas di negeri ini bagi membantu mempercepatkan pembangunan menjelang Melaka Maju 2010.

Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, berkata setakat ini terlalu sedikit anak Melaka berkhidmat di negeri ini walhal ramai lebih gemar bertugas di luar Melaka.

"Profesional terutama dalam bidang perakaunan dan pemasaran amat diperlukan untuk membantu kerajaan negeri mempercepatkan proses pembangunan terutama sebagai persiapan menghadapi Melaka Maju 2010.

"Setakat ini kita tidak tahu berapa jumlah yang diperlukan tetapi jika mereka memohon pekerjaan dengan kerajaan negeri, kita akan luluskan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Kebangsaan Belia Patriotik di Puteri Resort, Ayer Keroh, di sini, semalam.

Kira-kira 100 belia dari seluruh negara menyertai konvensyen dua hari itu.

Menjawab pertanyaan lain, Mohd Ali berkata, peringatan Perdana Menteri,

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya wakil rakyat Barisan Nasional (BN) meningkatkan prestasi masing-masing perlu diberi perhatian.

Beliau berkata, sebagai wakil rakyat mereka perlu kerap turun padang dan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh golongan akar umbi.

"Setakat ini saya berpuas hati dengan semua wakil rakyat di negeri ini tetapi mereka perlu meningkatkan prestasi masing-masing," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Mohd Ali berkata belia berperanan membentuk pembangunan negara pada masa depan.

Oleh itu, katanya, setiap belia perlu berilmu dan mempunyai pelbagai kemahiran sebagai persiapan menghadapi cabaran yang mendatang.

"Maju atau mundurnya negara adalah bergantung kepada belia. Oleh itu, setiap belia perlu memperlengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan terutama

dalam bidang teknologi maklumat (IT)," katanya.